

TINGKATAN 5
EKONOMI

3767/2

Kertas 2

2 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor kad pengenalan, angka giliran, nama dan tingkatan anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan dan ceraiian ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
7. *Semua kertas jawapan hendaklah anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperolehi
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah			

Kertas peperiksaan ini mengandungi 23 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

BAHAGIAN A**[60 markah]***Jawab semua soalan di bahagian ini*

1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh Perusahaan Nasz Kerepek.

Perusahaan Nasz Kerepek mempunyai modal sebanyak RM15 000 untuk mengeluarkan kerepek pisang sira dan kerepek ubi pedas. Kos pengeluaran kerepek pisang sira RM12 000 manakala kerepek ubi pedas RM13 500.

Bagaimanakah Perusahaan Nasz Kerepek menyelesaikan masalah tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- Semua barang diagihkan secara sama rata.
- Barang awam dan kebajikan masyarakat diutamakan.

[1 markah]


[4 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan satu keputusan kerajaan.

Kerajaan mengumumkan Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak.

Sumber: hmetro.com.my, 10 Oktober 2025.

Dengan bantuan rajah, jelaskan kesan situasi tersebut terhadap permintaan pasaran.



.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- (d) Terangkan penentu keanjalan harga penawaran tak anjal.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 (a) Maklumat dalam *Gambar 1* berkaitan dengan fungsi wang.



Gambar 1

Soufy tertarik dengan maklumat yang diiklankan dan membeli dengan bayaran bulanan memandangkan cuaca sangat panas.
Terangkan fungsi wang tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



- (b) *Gambar 2* berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh satu institusi kewangan di Malaysia.



Gambar 2

Jelaskan perkhidmatan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (c) Penyataan berikut berkaitan dengan satu potongan wajib.

Menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya.

- (i) Apakah potongan wajib tersebut?

.....

[1 markah]

- (ii) Jelaskan jawapan anda di 2 (c) (i).

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Maklumat berkaitan dengan satu kaedah pembelian.

Encik Ali ingin membeli sebuah motosikal Nmax 155 secara kredit untuk kegunaan beliau berulang alik kerja di Damansara untuk mengelakkan kesesakan jalan raya. Berikut adalah maklumat yang perlu diteliti oleh Encik Ali sebelum pembelian:

Harga motor	: RM11 498
Bayaran pendahuluan	: RM1 000
Kadar faedah	: 2.2% setahun

- (i) Hitung ansuran bulanan sekiranya Encik Ali memilih tempoh kredit selama 4 tahun.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (ii) Mengapa Encik Ali memilih untuk membuat pembelian secara kredit?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3(a) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah ketidakstabilan ekonomi.

KUALA LUMPUR: Pada Disember 2025 mata indeks harga pengguna (IHP) mencatatkan 135.5 berbanding 133.4 pada bulan yang sama tahun sebelumnya, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Sumber ubahsuai: <https://www.astroawani.com/berita-bisnes>, 20 Januari 2025


(i) Apakah masalah ketidakstabilan tersebut?

[1 markah]

(ii) Jelaskan kesan jawapan di 3(a)(i) terhadap pengangguran dan tabungan individu.

[5 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan kesan cukai ke atas agihan pendapatan.



Jelaskan X.

[4 markah]



- Sumber: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia>, 25 Jun 2025

[illegible]

[6 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara negara Malaysia dan negara Australia.

Tarikh	Harga Jualan (1 AUD)	Harga Belian (1 AUD)
03 Februari 2026	RM 2.7717	RM 2.7663
06 Februari 2026	RM 2.7469	RM 2.7427

Sumber: BNM, 21 Februari 2026

Pada 03 Februari 2026, Mr. Anderson dari Sydney, Australia tiba di KLIA, Sepang untuk urusan perniagaan. Beliau menukarkan dolar Australia sebanyak AUD 2000.00 kepada nilai Ringgit Malaysia di pengurup wang KLIA untuk urusan perbelanjaan. Mr. Anderson pulang semula ke Australia pada 6 Februari 2026 setelah tamat urusan perniagaannya. Beliau sempat menukar semula baki wang perbelanjaan sebanyak RM1000.00 kepada nilai AUD di lapangan terbang KLIA sebelum berlepas pulang.

Kirakan;

- (i) Jumlah wang yang ditukar oleh Mr. Anderson dalam Ringgit Malaysia.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Jumlah baki wang yang dibawa pulang dalam AUD.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab dua soalan sahaja

4. Maklumat berikut berkaitan satu sumber ekonomi.

KUALA LUMPUR - Sebanyak 2,132,578 orang pekerja asing yang aktif dan sah direkodkan bekerja di Malaysia setakat 15 Oktober lepas, menurun 13% bagi tempoh sama tahun lepas. Penurunan ini hasil daripada pelbagai usaha dilakukan termasuk mengekalkan keputusan kerajaan pada 18 Mac 2023 untuk membeku kelulusan kuota pekerja asing baharu. Selain itu, kementerian turut memperkukuh pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) industri bersama syarikat domestik dan antarabangsa.

Sumber ubahsuai: Sinarharian. 3 November 2025

- (a) (i) Apakah sumber ekonomi tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan jawapan anda di (a) (i). [6 markah]
- (b) Bagaimana keputusan pembekuan tersebut dapat mengurangkan pengambilan pekerja asing? [4 markah]
- (c) Setujukah anda dengan pelbagai program yang dilaksanakan dapat membuka peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan? [9 markah]
- Perincikan jawapan anda.

5. Maklumat berikut berkaitan perbelanjaan kerajaan.

BUDI95 Beri Penjimatan Sehingga RM200 Sebulan

KUALA LUMPUR – Program BUDI Madani RON95 (BUDI95) dijangka memberi penjimatan kira-kira RM200 sebulan iaitu mencecah hanya sekitar 80 liter sebulan kepada warganegara Malaysia yang memiliki lesen memandu melalui penetapan harga petrol RON95 pada RM1.99 seliter. Menteri Kewangan II berkata langkah ini bertujuan mengurangkan beban kos sara hidup seperti yang dihasratkan Perdana Menteri.

Sumber: Diubah suai daripada sinarharian.com. 23 September 2025

- (a) Dengan bantuan rajah, jelaskan kesan pelaksanaan tersebut kepada pasaran barang. [7 markah]
- (b) (i) Nyatakan jenis perbelanjaan tersebut. [1 markah]
- (ii) Bagaimana kerajaan menampung perbelanjaan di 5(b)(i)? [3 markah]
- (c) Pelaksanaan bantuan kerajaan tersebut dapat menangani cabaran kos sara hidup rakyat. Bincangkan. [9 markah]



6. Maklumat berikut berkaitan dengan satu projek pembangunan kerajaan.

KUALA LUMPUR: Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) mencapai kemajuan pembinaan sebanyak 92.62 peratus setakat Februari 2026, selari dengan jadual penyiapan jajaran Kota Bharu, Kelantan ke Gombak, Selangor. Penglibatan institusi kewangan terkemuka seperti Maybank mencerminkan tahap keyakinan yang tinggi terhadap struktur kewangan projek ECRL serta keupayaan sistem perbankan negara dalam menyokong pembiayaan projek infrastruktur strategik berskala besar. Inisiatif ini turut memperkukuh aspek tadbir urus kewangan, ketelusan serta akauntabiliti dalam pelaksanaan projek, selaras dengan komitmen kerajaan kepada rakyat.

Sumber ubahsuai: My Metro. 16 Mac 2026

- (a) Jelaskan faedah sosial projek pembangunan tersebut. [7 markah]
- (b) Bagaimana penglibatan institusi kewangan dapat membantu dalam pelaksanaan projek itu? [4 markah]
- (c) Projek pembangunan dapat meningkatkan kemakmuran hidup rakyat. Setujukah anda dengan pernyataan tersebut? Berikan alasan. [9 markah]

7. Maklumat berikut berkaitan satu tindakan kerajaan.

CPTPP Perkukuh Kedudukan Malaysia Sebagai Destinasi Pelaburan Menarik

KUALA LUMPUR: Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) terus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan menarik, apabila kira-kira 33.1% daripada pelaburan langsung asing (FDI) negara adalah dari ekonomi CPTPP. Perjanjian ini juga membuka pintu lebih luas bagi profesional Malaysia untuk bersaing di negara anggota CPTPP serta pemangkin penting dalam usaha kita melonjakkan Malaysia ke peringkat rangkaian nilai global. Kita sedang memanfaatkan perjanjian ini untuk meletakkan negara sebagai hab bagi pelaburan dan perdagangan ke dalam ASEAN dan Indo-Pasifik yang lebih luas.

Sumber diubahsuai: Berita Harian, 28 November 2025

- (a) Dengan bantuan rajah, jelaskan kesan tindakan kerajaan tersebut terhadap penawaran barangan eksport Malaysia. [7 markah]
- (b) (i) Nyatakan jenis kerjasama ekonomi yang melibatkan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP). [1 markah]
- (ii) Bagaimanakah kerajaan menghadapi cabaran dalam CPTPP? [3 markah]
- (c) Bincangkan kesan tindakan kerajaan tersebut kepada ekonomi Malaysia. [9 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

